KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **19 Jun 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI
HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/6/2025
M/SURAT: 16



MOHD. SABRI menunjukkan sebahagian daripada 14,300 pasang selipar dan kasut tiruan berjenama yang dirampas ketika sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

# Kasut ciplak Jalan TAR kena rampas

- Serbuan KPDN dilakukan di sebuah kompleks pemborong
- Barang itu dibawa melalui jalan laut dari China

Oleh AMIR HAIKAL KAMARUDIN

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 15,000 pasang kasut dan selipar tiruan atau ciplak dianggarkan bernilai RM400,000 dirampas dalam serbuan di sebuah kompleks pemborong di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), di sini kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Mohd. Sabri Seman berkata, kesemua barang tiruan itu ditemui disimpan dalam lapan stor dipercayai milik oleh seorang warga tempatan.

Menurutnya, sindiket tersebut dipercayai mula bertapak di ibu negara sejak dua bulan lalu dan sering berpindah randah di sekitar Lembah Klang bagi mengelak aktiviti mereka dikesan pihak berkuasa.

"Serbuan dilakukan hasil risikan oleh KPDN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selama tiga minggu serta dapat mengenal pasti rangkaian sindiket itu.

"Modus operandi mereka adalah memiliki stor sebagai gudang tertutup berkunci untuk mempamerkan sampel kepada pembeli. Pembeli datang lihat model sebelum membuat pesanan.

"Barangan ini dibawa masuk melalui jalan laut dan dipercayai dari China.

"Pasukan serbuan berjaya menyita 15,000 pasang selipar dan kasut tiruan berjenama pelbagai dengan anggaran nilai hampir RM400,000," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Katanya, siasatan mendapati sindiket berkenaan membawa masuk produk tiruan pada harga RM4 bagi selipar dan RM20 bagi kasut dan dijual semula pada harga berlipat kali ganda.

Menurutnya, siasatan awal mendapati selipar dijual semula pada harga sehingga RM40 hingga RM50 sepasang.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 19/6/2025

M/SURAT: 6

# 15,000 pasang kasut, selipar tiruan dirampas

**Kuala Lumpur:** Kegiatan 'tauke besar' mengedar selipar dan kasut tiruan ke seluruh negara lumpuh selepas 15,000 pasang kasut dan selipar dirampas hasil serbuan di kompleks pemborong di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman berkata, kesemua barang tiruan itu ditemui disimpan dalam lapan buah stor yang dipercayai dimiliki oleh seorang warga tempatan.

Menurutnya, sindiket itu dipercayai mula bertapak di ibu negara sejak dua bulan lalu.

dan sering berpindah randah di sekitar Lembah Klang bagi mengelak aktiviti mereka dikesan pihak berkuasa.

"Tindakan serbuan berjaya dilakukan hasil daripada risikan oleh pihak KPDN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selama tiga minggu serta dapat mengenal pasti rangkaian sindiket berkenaan.

"Pasukan serbuan berjaya menyita 15,000 pasang selipar dan kasut tiruan berjenama pelbagai dengan anggaran nilai hampir RM400,000," katanya semalam.

Mohd Sabri berkata, kebanyakan barangan tiruan berkenaan dipercayai datang daripada negara China dan diseludup melalui pintu laut.

Katanya, siasatan mendapati sindiket berkenaan membawa masuk produk tiruan pada harga RM4 bagi selipar dan RM20 untuk kasut.

"Ia dijual semula pada harga berlipat kali ganda kepada peniaga di seluruh negara termasuk dari negara jiran," katanya.

Menurutnya, siasatan awal mendapati selipar dijual semula sehingga RM40 hingga RM50 sepasang, manakala kasut pula dijual pada harga antara RM100 hingga RM120.

"Selain stor, turut ditemui pusat pameran rahsia untuk pemborong memperkenalkan pelbagai model barangan kepada peniaga.

"Kita tidak menolak kemungkinan barangan ini turut dijual dalam talian oleh peniaga," katanya.

Menurutnya, seorang lelaki warga tempatan berusia awal 20-an ditahan dipercayai sebagai pengurus stor terbabit bagi membantu siasatan.

Siasatan dibuat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001)kerana jumlah rampasan agak besar dan mempunyai rangkaian sindiket.



MOHD Sabri melihat selipar dan kasut tiruan berjenama yang dirampas di sebuah kompleks pemborong di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/6/2025
M/SURAT: 7

# KPDN seizes counterfeit luxury goods worth RM400,000 seized

**KUALA LUMPUR:** A syndicate distributing counterfeit luxury brand shoes and slippers was busted after the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) seized more than 15,000 pairs worth RM400,000 at a wholesale complex near Jalan Tunku Abdul Rahman here on Monday.

KPDN Kuala Lumpur director Mohd Sabri Seman said the seizure followed a two-week investigation involving eight storage units and two showrooms used for wholesale operations to retailers nationwide.

"For slippers, the syndicate buys them for as low as RM4 before selling them back to retailers for RM20 to RM30, while for shoes, they buy them for as low as RM20 and sell them for between RM100 and RM120," he told a press conference here yesterday.

He said a Malaysian man in his early 20s who worked at the premises was detained to assist in the investigation.

According to Mohd Sabri, the syndicate is believed to have been operating for the past two months and has also received orders from Sabah and Sarawak.

The case is being investigated under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001.

He said to date this year under Ops Jeriji 6.0, the Kuala Lumpur KPDN has opened 64 cases involving intellectual property, with seizures of up to 30,100 units of goods worth RM1.5 million, and arrested 10 individuals.

"The Kuala Lumpur KPDN will continue to intensify enforcement activities on intellectual property, including the Trademark Act 2019, the Trade Description Act 2011 and the Copyright Act 1987, to combat the sale of counterfeit goods," he said.

Mohd Sabri also advised consumers not to support counterfeit goods and issued a stern warning to parties who violate existing laws, including the risk of severe punishment for errant traders. — Bernama



Mohd Sabri shows some of the counterfeit shoes seized from the wholesale complex. — Bernama photo

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY
HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/6/2025
M/SURAT: 5

# 充公值40萬仿冒鞋捕1人

## 隆貿消部突擊8倉庫2店



莫哈末沙比利（左二）呼吁，民众千万不要购买仿冒鞋，以免助长此类知识产权及商标侵犯罪行；左一为莫哈末沙然。（陈启基摄）



莫哈末沙然（右起）为莫哈末沙比利讲解突击执法行动起获的仿冒鞋款式。（陈启基摄）

（吉隆坡18日讯）国内贸易及生活费部联邦直辖区吉隆坡分局星期一（16日）突击端姑阿都拉曼路一座大厦8间仓库和2间店铺，充公近1万5000双名牌仿冒鞋，并逮捕一名本地籍男子助查。

贸消部联邦直辖区吉隆坡分局总监莫哈末沙比利表示，当局历时3个星期布局及确定有关犯罪团伙下落后采取行动。针对上述仓库的突击检查，该局充公1万4300双知名品牌的仿冒鞋及拖鞋；估计充公物件总值达40万令吉以上。

他揭露，这些仿冒鞋成本低廉，每双要价4至5令吉，批发给商家一双价格调高至20令吉以上，最终市场上售价可介于80至100令吉不等。

他指出，这些鞋子从国外海运到大马，以吉隆坡为枢纽批发给全国卖家，包括沙巴及砂拉越。犯罪团伙狡兔三窟，此前经常搬离及更换仓库地点，这次突击地点仅启用2个月。

### 沙比利：仿冒鞋侵权12品牌

莫哈末沙比利于今日上午在国内贸易及生活费部联邦直辖区吉隆坡分局位于泗岩沫的充公物件货仓，与国内贸消部吉隆坡分局执法组主任莫哈末沙然一同召开新闻发布会，阐述以上执法行动的经过及结果。

他表示，取缔的8间仓库是作为存放仿冒品用途；至于两间店铺是作为摆放仿冒品的不对外开放买家订货及展示室，空间大小介于20至60平方英尺不等。

他说，被起获的仿冒鞋侵权了12个知名品牌，因而抵触2019年商标法令。根据该法令一旦罪成，售卖仿冒品的企业或商店，每件仿冒品最高可被罚款1万5000令吉；重犯则可被罚款高达3万令吉。

若是个人涉及售卖仿冒品，每件仿冒商品最高可罚款1万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施；重犯则可被罚款2万令吉，或坐牢5年，或两者兼施。

“感谢涉及的品牌及商标版权持有方配合，才成功侦破此案，因为执法单位是无权立案的。”

他指出，基于此案充公物件总值庞大，当局也援引2001年反洗黑钱和反恐融资法令（AMLATFPUAA）立案展开调查。

“针对那些购买仿冒鞋的商家，吉隆坡贸消部则发出严厉警告，若仍冥顽不灵持续贩售不合法的仿冒品将因触法被重罚。我们也已掌握资讯，随时会再展开突击检查。”

他补充，取缔行动还逮捕一名20多岁大马籍男子助查；但男子仅是小职员，实际的犯罪团伙首脑并不在场。

上述8间仓库怀疑持有者均为同一人，并极有可能是本地人。

### 栏杆行动捕10人

沙比利表示，当局援引2019年商标法令、2011年商品事务法令及1987年版权法令，针对侵犯知识产权立案64宗，充公物件达3万100组，总值超过150万令吉。

今年展开的“栏杆行动6.0”（Ops Jeriji 6.0），截至目前为止已有10人因涉及侵犯版权而被逮捕。

他说，相信吉隆坡地区还有类似的犯罪团伙正在运作中，将援引上述法令继续展开执法行动打击侵犯版权及商标的行为。

他呼吁民众踊跃向当局举报和提供此类罪行资讯，以及千万不要购买仿冒品。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS

TARIKH: 19/6/2025

M/SURAT: 4

# PM mahu penyelesaian tuntas atasi isu dadah, rokok elektronik

**Masalah berlarutan sekian lama meskipun pelbagai pendekatan digerakkan**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu isu penularan dadah dan penggunaan rokok elektronik dalam kalangan generasi muda, dibincangkan secara serius serta dirangka jalan penyelesaian yang tuntas.

Perdana Menteri menegaskan, masalah yang berlarutan sejak sekian lama itu belum menemui penyelesaian berkesan, meskipun pelbagai pendekatan digerakkan sebelum ini.

"Kita lihat orang Melayu ini (masalah) dadahnya berat, tadi (dalam) mesyuarat Jemaah Menteri, kita bincang masalah dadah dan vape dalam kalangan anak-anak kita, tolonglah bincang, carilah jalan kaedah mana pun.

"Apakah perlu dana? Apakah perlu kaunseling? Perlu dakwah? Beritahulah kerana berpuluh tahun kita fikir (masalah ini) belum selesai.

"Betul ada anak Cina, anak India ramai juga dalam kalangan mereka, tetapi lebih parah dalam kalangan anak Melayu, membunuh jiwa mereka dari kecil. Kenalah lakukan sesuatu, kena bincang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI: Guru Pemangkin Patriotisme Negara di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

## Laksana pelbagai usaha

Dalam pada itu, Anwar mengakui masih banyak masalah yang belum dapat diselesaikannya, namun pelbagai usaha sedang dilaksanakan untuk menganganinya.

"Saya tahu saya belum dapat selesaikan masalah kemiskinan rakyat, belum lagi dapat naikkan mutu pendidikan, saya belum lagi berhasil untuk mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang cemerlang, saya belum dapat mengembangkan dakwah Islam dan kesedaran Islam dalam kalangan pelajar.

"Sebab itu di sekolah selain daripada pengenalan buku mengenai cara dakwah yang bijaksana, jangan terlalu keras, jangan terlalu hukum, jangan terlalu cepat menghina orang, jangan terlalu cepat mengkafirkan orang, itu yang kita mulakan," katanya.



*Anwar beramah mesra dengan sebahagian pesara guru selepas Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI: Guru Pemangkin Patriotisme Negara di Putrajaya, semalam.* (Foto Aizuddin Saad/BH)

Terdahulu, Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, ketika sidang media pasca mesyuarat Kabinet, memaklumkan platform dalam talian yang membenarkan penjualan produk terlarang termasuk dadah dicampur dalam cecair vape akan dikenakan tindakan tegas.

Beliau berkata, tindakan sama juga akan diambil ke atas individu yang berbuat demikian.

Katanya, satu mesyuarat bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali akan diadakan dalam masa terdekat untuk membincangkan penguatkuasaan itu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU
HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/6/2025
M/SURAT: 3

# Melayu paling terkesan dengan dadah, vape – PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, isu berkaitan dadah dan vape dalam kalangan anak-anak perlu diberi perhatian serius kerana melibatkan masa depan generasi muda, khususnya anak-anak Melayu yang dilihat paling terkesan.

Perdana Menteri berkata, isu berkenaan belum dapat diselesaikan sehingga kini walaupun berpuluh tahun dibincangkan untuk mencari kaedah menanganinya.

"Tadi mesyuarat Kabinet dadah dan vape dalam kalangan anak anak kita (ada dibincangkan).

> "Ya, betul ada anak Cina, India, tetapi lebih parah anak Melayu, membunuh jiwa mereka dari kecil. Maka kena lakukan sesuatu, kena bincang."
>
> ANWAR IBRAHIM

"Jadi, tolong lah bincang apakah perlu, kaunseling atau perlu dakwah, (kerana) berpuluh tahun kita fikir belum selesai.

"Ya, betul ada anak Cina, India, tetapi lebih parah anak Melayu, membunuh jiwa mereka dari kecil. Maka kena lakukan sesuatu, kena bincang," katanya dalam ucapan perasmian Seminar Malaysia Madani Guru Pemangkin Patriotisma Negara, di sini semalam.

Terdahulu, Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil memaklumkan, platform dalam talian yang membenarkan penjualan produk terlarang termasuk dadah dicampur dalam cecair vape akan dikenakan tindakan tegas.

Untuk itu, satu mesyuarat bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali akan diadakan dalam masa terdekat untuk membincangkan penguatkuasaan itu.

Kelmarin Presiden Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC), Dr. M Murallitharan menggesa kerajaan bertindak tegas termasuk menggantung lesen, denda maksimum dan pendakwaan di mahkamah terhadap peniaga vape yang melanggar Akta Kawalan Produk Merokok Untuk Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/6/2025
M/SURAT: 6

# Anak Melayu terlibat dadah lebih parah - PM

## Perdana Menteri mahu penyelesaian serius penglibatan anak Melayu dalam penyalahgunaan dadah, rokok elektronik

**Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**
**PUTRAJAYA**

FOTO: FACEBOOK SHAMSUL AZRI ABU BAKAR




**Anwar ketika berucap semasa majlis Seminar Malaysia Madani: Guru Pemangkin Patriotisme Negara di Putrajaya pada Rabu.**

Perdana Menteri menzahirkan kebimbangan terhadap penglibatan anak-anak Melayu dalam penyalahgunaan dadah dan rokok elektronik.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, isu tersebut memerlukan perhatian serius dan penyelesaian yang tuntas kerana ia melibatkan masa depan generasi muda.

"Kita lihat orang Melayu ini dadahnya berat. Tadi mesyuarat Jemaah Menteri, kita bincang masalah dadah dan rokok elektronik dalam kalangan anak-anak kita.

"Tolonglah bincang, carilah jalan, kaedah mana pun. Apakah perlu dana, kaunseling atau dakwah. Beritahulah kerana berpuluh tahun kita fikir belum selesai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Seminar Malaysia Madani: Guru Pemangkin Patriotisme Negara di sini pada Rabu.

Menurutnya, meskipun terdapat penglibatan anak-anak daripada kaum lain, masalah dalam kalangan anak Melayu jauh lebih membimbangkan.

"Betul ada anak Cina, anak India ramai juga dalam kalangan mereka tetapi lebih parah anak Melayu. Membunuh jiwa mereka dari kecil.

"Kenalah lakukan sesuatu, perlu bincang," tegas beliau.

Terdahulu, Jurucakap Kerajaan Madani, Datuk Fahmi Fadzil berkata, platform dalam talian yang membenarkan penjualan produk terlarang termasuk dadah dicampur dalam cecair rokok elektronik akan dikenakan tindakan tegas.

Ujar beliau, tindakan sama juga akan diambil ke atas individu yang berbuat demikian dan satu mesyuarat bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali akan diadakan dalam masa terdekat untuk membincangkan aspek penguatkuasaan.

Sementara itu, dalam ucapan sama, Anwar mengakui masih banyak perkara yang belum dapat diselesaikannya, namun pelbagai usaha sedang dilaksanakan untuk menanganinya.

"Saya tahu saya belum dapat selesaikan masalah kemiskinan rakyat, menaikkan mutu pendidikan, belum lagi berhasil untuk mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang cemerlang, saya belum dapat mengembangkan dakwah Islam dan kesedaran Islam dalam kalangan pelajar.

"Sebab itu di sekolah-sekolah selain daripada pengenalan buku mengenai cara dakwah yang bijaksana, jangan terlalu keras, jangan terlalu hukum, jangan terlalu cepat menghina orang, jangan terlalu cepat mengkafirkan orang, itu yang kita mulakan," kata beliau.

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/6/2025
M/SURAT: 6



# Tindakan tegas individu, platform dalam talian jual produk terlarang

**Putrajaya:** Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap individu dan platform dalam talian yang membenarkan penjualan produk terlarang, termasuk dadah yang dicampur dalam cecair vape.

Jurucakap Kerajaan MADANI, Datuk Fahmi Fadzil, berkata satu mesyuarat bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali akan diadakan dalam masa terdekat untuk membincangkan pelaksanaan penguatkuasaan itu.

Kelmarin, media melaporkan kerajaan digesa mengambil tindakan tegas termasuk penggantungan lesen, denda maksimum serta pendakwaan di mahkamah terhadap peniaga vape yang melanggar undang-undang di bawah Akta Kawalan Produk Merokok untuk Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

Presiden Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC), Dr M Murallitharan berkata, pihaknya menerima banyak laporan melalui platform pemantauan, termasuk 'Jom Masuk' mengenai pelbagai pelanggaran yang dilakukan oleh peniaga vape.

Sementara itu, Fahmi yang juga Menteri Komunikasi berkata, hasil mesyuarat itu akan dibawa ke Jemaah Menteri untuk keputusan lanjut, termasuk tindakan terhadap penjual dan juga platform yang membenarkan penjualan produk itu.

"Ini secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan Jemaah Menteri dan juga kerajaan mengenai antara satu perkara yang sedang berlaku dalam masyarakat di mana produk terlarang dijual secara dalam talian dengan berleluasa," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

GROWING SOCIAL THREAT

# PM WANTS ACTION ON DRUG, VAPE ISSUE

'We've been deliberating this issue for decades, yet it remains unresolved'

MOHAMAD AL AS
AND QISTINA SALLEHUDDIN
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my



*Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim addressing the Malaysia Madani Nationalism Seminar, titled 'Teachers as Catalysts of National Patriotism', in Putrajaya yesterday.* NSTP PIC BY AIZUDDIN SAAD

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has called for urgent and concerted action to tackle the growing problem of drug and vape abuse among youths.

Addressing the Malaysia Madani Nationalism Seminar titled "Teachers as Catalysts of National Patriotism", he said the issue was raised during a cabinet meeting yesterday.

"Please, hold discussions, find effective strategies and approaches. Do you need funding? Counselling? Religious outreach? Let me know.

"We've been deliberating this issue for decades, yet it remains unresolved."

He acknowledged the enormity of the task ahead, but stressed the importance of beginning the process of reform.

"I'm aware that poverty has yet to be fully addressed. I've not succeeded in significantly improving the quality of education.

"I've not yet managed to elevate the Malay language as a respected language of knowledge.

"I've also not succeeded in strengthening Islamic outreach and awareness among students. But we must start."

At his weekly post-cabinet meeting media briefing yesterday, government spokesman Datuk Fahmi Fadzil said the government would take firm action against the online sale of illicit products, including drug-laced vape liquids.

The communications minister said a meeting between his ministry, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad and Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali would be held soon to discuss enforcement mechanisms.

"The meeting will focus on the implementation of enforcement measures against the sale of prohibited products, including vape liquids believed to contain illegal drugs, which are being sold on mobile applications, social media platforms and other online channels."

Fahmi said the outcome of the meeting would be presented to the cabinet for further deliberation, including possible action against sellers and platforms that enabled such sales.

He said the effort reflected the government's concern over the growing social threat posed by the issue.

Earlier this month, Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan said vape liquids could be easily spiked with illicit substances.

He said 24 cases of drug-laced vape liquids were recorded in Selangor last year and 17 were reported this year up to the end of last month.

He said the sale of such products was growing on social media and controlling the menace was difficult.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/6/2025
M/SURAT: 2

# Fahmi: Special meeting soon to decide action on online drug sales

**PUTRAJAYA:** A special meeting will be convened soon to discuss measures to curb the online sale of illicit substances, including drug-laced vape liquids.

MADANI Government spokespersonandCommunications Minister Datuk Fahmi Fadzil said the meeting will involve his ministry, the Ministry of Health (MoH), and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

He said the outcome of the meeting would be presented to the Cabinet for further action, including enforcement against individuals selling illicit substances and the online platforms enabling such sales.

"This includes the sale of vape liquids believed to contain prohibited drugs via mobile applications and online platforms," he added.

"This reflects the Cabinet's and the government's deep concern over the growing issue of prohibited products being widely sold online," he said in a post-Cabinet meeting press conference Wednesday.

Recently, public concern has been mounting over the presence of synthetic substances or drugs in vapes and e-cigarettes sold online.



Datuk Fahmi Fadzil

Several cases have also emerged linking the deaths of students to psychoactive substances, such as 'magic mushrooms', found in vape liquids.

On June 5, Fahmi reportedly said that the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) had been instructed to monitor the sale of prohibited substances allegedly conducted via several social media platforms.

Meanwhile, the MoH has set up a special committee to review existing legislation under the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 to address the issue. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995
HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/6/2025
M/SURAT: 2

# Crackdown on online sale of banned products

BY **QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** The government is ramping up efforts to crack down on the online sale of banned products, including vape liquids laced with narcotics, with a high-level meeting set to take place soon, said Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil.

Speaking at a weekly media conference yesterday, he said the meeting, involving the Domestic Trade and Cost of Living, Health and Communications ministries, reflects growing concern over illegal products being openly sold online without adequate control.

"Following the meeting, we will present the outcomes to the Cabinet, which will be followed by appropriate action, either against the sellers or the platforms enabling such sales."

On updates to the Online Safety Bill, Fahmi said the next step is for the Malaysian Communications and Multimedia Commission to finalise a draft of the regulations that would be enforced under the Bill.

"Once that is done, a regulatory committee will be established by the Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform), who will have oversight powers over the Bill's implementation. This process is expected to take place in the coming weeks."

Fahmi said there are no major updates regarding the Sales and Service Tax (SST), but the second finance minister is expected to provide further clarification soon.

He said the government takes public feedback seriously, and that revenue from the expanded SST would be used to fund schools, hospitals and other public projects.

"With stronger efforts to curb leakage and corruption, we believe SST collections would benefit more Malaysians."

Fahmi said ministers were briefed on the draft of the 13th Malaysia Plan by Economy Ministry Secretary-General Datuk Nor Azmie Diron.

The plan is expected to be tabled in Parliament during the session beginning July 21, and presented on July 28.

Amid escalating regional tensions involving Iran, Fahmi said the Foreign Ministry has made arrangements for registered Malaysians, including those working, studying or representing agencies to depart Iran, with visa preparations completed.

He said their departure is expected by June 20.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 19 JUN 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 19-Jun | Kasut, selipar ciplak Jalan TAR kena rampas | https://www.kosmo.com.my/2025/06/18/kasut-selipar-ciplak-jalan-tar-kena-rampas/ | KOSMO |
| 19-Jun | 8 stor, 2 bilik pameran barang tiruan Jalan TAR diserbu, 15,000 selipar, kasut dirampas | https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2025/06/1409457/8-stor-2-bilik-pameran-barang-tiruan-jalan-tar-diserbu- | BERITA HARIAN |
| 19-Jun | KPDN rampas 15,000 pasang kasut, selipar tiruan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1231350/kpdn-rampas-15000- | HARIAN METRO |
| 19-Jun | KPDN Rampas Ribuan Barangan Tiruan Jenama Mewah | https://malaysiagazette.com/2025/06/18/kpdn-rampas-ribuan-barangan- | MALAYSIA GAZETTE |
| 19-Jun | Lapan stor simpan barang jenama tiruan diserbu, rampasan cecah RM400,000 | https://malaysiagazette.com/2025/06/18/lapan-stor-simpan-barang-jenama-tiruan-diserbu-rampasan-cecah- | MALAYSIA GAZETTE |
| 19-Jun | Perak Stall That Charged RM18 For Mixed Rice Found Guilty Of Overcharging By KPDN | https://weirdkaya.com/perak-stall-that-charged-rm18-for-mixed-rice-found-guilty-of-overcharging-by-kpdn/ | WEIRD KAYA |
| 19-Jun | KL Strike Force diarah kaji, tangani isu penyalahgunaan dadah - Dr Zaliha | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kl-strike-force-diarah-kaji-tangani-isu-penyalahgunaan-dadah-dr- | ASTRO AWANI |
| 19-Jun | Kerajaan akan ambil tindakan tegas jualan produk terlarang dalam talian | https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-akan-ambil-tindakan-tegas-jualan-produk-terlarang-dalam-talian/ | TV3 |
| 19-Jun | KKM, KPDN bincang penguatkuasaan banteras jualan produk terlarang dalam talian - Fahmi | https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1409547/kkm-kpdn-bincang-penguatkuasaan-banteras-jualan-produk-terlarang | BERITA HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19-Jun | Special meeting soon to decide action on online drug sales - Fahmi | https://thesun.my/malaysia-news/special-meeting-soon-to-decide-action-on-online-drug-sales-fahmi-MO14299306 | THE SUN |
| 19-Jun | Masalah dadah, vape dalam kalangan belia Melayu membimbangkan, tangani segera - PM | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masalah-dadah-vape-dalam-kalangan-belia-melayu-membimbangkan-tangani-segera-pm-525658 | ASTRO AWANI |
| 19-Jun | Masalah dadah, vape dalam kalangan belia Melayu membimbangkan, tangani segera: PM | https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/18/masalah-dadah-vape-dalam-kalangan-belia-melayu-membimbangkan-tangani-segera-pm | UTUSAN BORNEO |
| 19-Jun | Tindakan Bendung Jualan Dadah Dalam Talian Akan Dibincangkan - Fahmi | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2435537 | BERNAMA |
| 19-Jun | Tiga kementerian bincang mekanisme banteras jualan produk terlarang dalam talian | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tiga-kementerian-bincang-mekanisme-banteras-jualan-produk-terlarang-dalam-talian | RTM |
| 19-Jun | Sindiket seludup barang kawalan tumpas di Tawau | https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/18/sindiket-seludup-barang-kawalan- | UTUSAN BORNEO |
| 19-Jun | Consumer staples favourable amid expanded SST | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2025/06/19/consumer-staples-favourable-amid- | THE STAR |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19-Jun | KPDN bongkar sindiket kasut, selipar tiruan | https://www.sinarharian.com.my/article/734411/edisi/selangor-kl/kpdn-bongkar-sindiket-kasut-selipar-tiruan | SINAR HARIAN |
| 19-Jun | 8 stor barangan tiruan diserbu, rampasan cecah RM400,000 | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/8-stor-barangan-tiruan-diserbu,-rampasan-cecah-rm400,000 | RTM |
| 19-Jun | Sindiket kasut tiruan tumpas, KPDN rampas barangan bernilai RM400,000 | https://thesun.my/cerita/berita/sindiket-kasut-tiruan-tumpas-kpdn-rampas-barangan-bernilai-rm400000-IO14296169 | THE SUN |
| 19-Jun | Sindiket kasut tiruan tumpas, KPDN rampas barangan bernilai RM400,000 | https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/18/sindiket-kasut-tiruan-tumpas-kpdn-rampas-barangan-bernilai-rm400000 | UTUSAN BORNEO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT